

**NO. SOALAN: 164**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**RUJUKAN : 9736**

**SOALAN :**

**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dokumen peribadi seperti sijil lahir dan kad pengenalan yang diterima, diluluskan serta ditolak daripada kawasan Parlimen Baram mengikut kaum sejak dua tahun yang lepas.

**JAWAPAN:**

Bagi Parlimen Baram sepanjang tahun 2015 dan 2016, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui Pejabat Cawangan JPN yang berhampiran dengan kawasan Parlimen Baram iaitu Marudi, Long Lama dan Beluru serta Unit Khas Bergerak (UKB) telah menerima sebanyak 2,408 permohonan merangkumi 1,368 permohonan kelahiran dan kematian serta 1,040 permohonan kad pengenalan. Perincian permohonan yang telah diluluskan, ditolak dan masih dalam proses atau siasatan adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan						Jumlah
	Pendaftaran Kelahiran & Kematian			Kad Pengenalan			
	Lulus	Tolak	Dalam Proses	Lulus	Tolak	Dalam Proses	
2015	138	166	5	449	1	74	833
2016	790	250	19	280	1	235	1,575
<b>Jumlah</b>	1,368			1,040			2,408

Dalam hal ini, permohonan-permohonan tersebut adalah di kalangan Orang Ulu yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Penan, Kayan dan Kenyah.